

NO. SOALAN: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil terhadap mereka yang jelas mempersenda dan merendahkan martabat institusi istana di negara ini.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suatu perbuatan jenayah yang menyentuh isu institusi Raja di Malaysia boleh terjumlah kepada suatu kesalahan yang diperuntukkan di bawah beberapa undang-undang seperti yang berikut:
 - (a) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 iaitu kesalahan menghasut;
 - (b) Seksyen 425 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan khianat; dan
 - (c) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
2. Jabatan PEGUAM NEGARA akan memulakan tindakan pendakwaan terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta-Akta tersebut sekiranya terdapat keterangan dan bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pihak-pihak tersebut telah melakukan kesalahan tanpa mengira status individu berkenaan.

Sekian, terima kasih.